

## **HUBUNGAN DI ANTARA KEMAHIRAN KERJA BERPASUKAN DAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI DALAM KALANGAN PELAJAR SEMESTER AKHIR POLITEKNIK**

### **THE RELATIONSHIP BETWEEN TEAMWORK SKILLS AND COMMUNICATION SKILLS AMONG POLYTECHNIC'S FINAL SEMESTER STUDENTS**

**Siti Halijah Ngadiman<sup>1</sup>  
Mohd Faizal Jamaludin<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim Hi-Tech Park, 09000, Kulim Kedah, Malaysia  
[siti.halijah@ptsb.edu.my](mailto:siti.halijah@ptsb.edu.my)

<sup>2</sup>Unit Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim Hi-Tech Park, 09000,  
Kulim Kedah, Malaysia  
[mohd.faizal@ptsb.edu.my](mailto:mohd.faizal@ptsb.edu.my)

**Accepted date:** 30 September 2018

**Published date:** 15 October 2018

**To cite this document:** Ngadiman, S. H. & Jamaludin, M. F. (2018). Hubungan di antara Kemahiran Kerja Berpasukan dan Kemahiran Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Semesta Akhir Politeknik. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, (3) (19), 01-18.

---

**Abstrak:** Kemahiran kerja berpasukan dan komunikasi adalah antara kemahiran insaniah yang perlu dikuasai oleh setiap graduan sebagai persiapan untuk menempuh alam pekerjaan. Kajian ini adalah bagi mengenal pasti hubungan di antara kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar. Kajian berbentuk tinjauan ini melibatkan 125 orang pelajar semester akhir sesi Jun 2017, Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah yang terdiri dari program Diploma Akauntansi, Diploma Pemasaran dan Diploma Pengajian Perniagaan. Borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian untuk mengumpulkan data. Dapatan dianalisis dengan menggunakan perisian IBM Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) versi 20.0. Nilai Alpha Cronbach yang diperolehi hasil dari ujian rintis adalah 0.890. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran komunikasi dengan nilai signifikan,  $p < 0.01$ . Ujian korelasi menunjukkan hubungan yang sederhana di antara dua pembolehubah ini dengan nilai korelasi,  $r = 0.461$ . Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa kemahiran komunikasi dapat ditingkatkan melalui aktiviti kerja berpasukan yang dilaksanakan disepanjang proses pengajaran dan pembelajaran.

**Kata Kunci:** *Kemahiran Insaniah, Kerja Berpasukan, Komunikasi.*

**Abstract:** *Team work and communication skills are among soft skills which should be acquired by every graduand as preparation to enter a work life. This study attempts to identify the relationship between team work skills and communication skills among students. This survey comprises of 125 final semester students from Diploma in Accountancy, Diploma in Marketing and Diploma in Business Studies in Commerce Department, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah for June 2017 academic session. A questionnaire is used as research instrument for the purpose of data collection. Finding is analysed using IBM Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) 20.0 version. The Alpha Cronbach value derived from the pilot test was 0.890. This study finds that there is relationship between team work skills and communication skills with significant value  $p < 0.01$ . The correlation also shows a moderate relationship between both variables with correlation value  $r = 0.461$ . The finding of this study documented that the communication skills could be enhanced through team work activities implemented during the teaching and learning process.*

**Keywords:** *Soft Skills, Team Work, Communication*

---

## **Pengenalan**

Melahirkan graduan yang berdaya saing dan mempunyai ciri-ciri yang diinginkan oleh majikan adalah antara cabaran yang perlu diambil perhatian oleh institusi pendidikan tinggi. Kemahiran insaniah atau juga dikenali sebagai kemahiran generik, *softskill, human skills, employability skills* serta *non-technical skills* adalah antara elemen yang mempengaruhi kebolehpasaran para graduan. Antara elemen kemahiran insaniah yang sering dikaitkan dengan kegagalan graduan untuk mendapat peluang pekerjaan adalah kelemahan graduan menguasai kemahiran dalam berkomunikasi. Ini kerana di samping mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang setiap graduan juga perlu menguasai kemahiran komunikasi bagi membolehkan mereka bersaing untuk mendapat tempat dihati majikan atau industri. Menurut Mahyudin (2011), kemahiran insaniah lebih memberi tumpuan terhadap aspek tingkah laku, kemahiran komunikasi, sikap, keupayaan menyelesaikan suatu permasalahan, cara memperolehi keputusan dan pengurusan organisasi. Manakala menurut Abdul Rahman (2010), sebab utama kegagalan seseorang dalam pekerjaannya adalah disebabkan oleh kegagalan mereka mewujudkan interaksi yang positif dengan persekitaran mereka.

## **Latar Belakang Kajian**

Persaingan dalam memperolehi pekerjaan selepas tamat pengajian merupakan salah satu cabaran besar yang dihadapi oleh graduan masa kini. Perubahan pandangan majikan terhadap beberapa kriteria pemilihan pekerja selain dari pencapaian akademik telah mengubah corak sistem pendidikan di negara ini. Menurut Mikhail Raj Abdullah dalam laporannya di akbar Bernama (2012), menyatakan bahawa graduan yang lahir dari sistem pendidikan Malaysia gagal memenuhi kehendak bakal majikan kerana kekurangan kemahiran berfikir secara kritis dan lemah dalam berkomunikasi. Manakala berdasarkan kepada laporan akbar Sinar (2012), turut menyatakan bahawa, enam daripada 10 graduan universiti Malaysia mengambil masa sehingga enam bulan untuk mendapat pekerjaan dan sebanyak 40 peratus lagi mengambil masa yang

lebih lama lagi untuk mendapat pekerjaan. Kenyataan ini disokong oleh Prof. Madya Dr. Aminah Md. Yusof, Timbalan Dekan (Pembangunan Program dan Hubungan Pelanggan), Universiti Teknologi Malaysia di dalam laporan akbar Utusan Malaysia (2016), menyatakan bahawa lebih 200,000 siswazah berijazah Institusi Pengajian Tinggi di negara ini gagal mendapatkan pekerjaan walaupun telah menamatkan pengajian masing-masing sejak tahun 2013. Statistik ini menunjukkan kumpulan terbesar penganggur adalah dalam kalangan graduan iaitu sebanyak 3.8 peratus.

Masalah pengangguran ini masih berterusan sehingga kini, di mana menurut presiden Persatuan Undang-Undang Keselamatan Sosial dan Buruh Malaysia Datuk Dr Cyrus Das dalam laporan akbar oleh Siti Aisyah Ramli (2016), menyatakan bahawa kajian sebelum ini mendapati bahawa kelemahan serta kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam berkomunikasi terutamanya dalam bahasa Inggeris merupakan antara faktor graduan gagal mendapat pekerjaan selepas menamatkan pengajian. Menurut Zunaidah Zainon (2017), berdasarkan Perangkaan Tenaga Buruh Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan bahawa kadar pengangguran di negara ini, sehingga Januari 2017 adalah sebanyak 3.5 peratus iaitu peningkatan sebanyak 0.1 peratus berbanding tahun 2016.

Dari sudut kebolehpasaran graduan pula, walaupun peratus graduan yang mendapat pekerjaan masih belum mencapai peratusan yang tinggi namun terdapat peningkatan jumlah peratusannya yang mendapat peluang pekerjaan. Berdasarkan data Sistem Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pendidikan Tinggi menunjukkan bahawa kadar kebolehpasaran graduan pelajar IPT pada tahun 2017 adalah sebanyak 79.1 peratus (Utusan Malaysia, 2018). Peratusan ini menunjukkan bahawa peratus kebolehpasaran graduan di negara ini semakin meningkat setiap tahun. Ini kerana berdasarkan laporan di dalam akbar Berita Harian oleh Suhaila Shahrul Annuar (2016), Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh menyatakan bahawa, kadar purata kebolehpasaran graduan Malaysia telah meningkat sebanyak 1.1 peratus menjadi 77.2 peratus pada tahun 2016 berbanding 76.1 peratus pada tahun 2015. Manakala menurut laporan Bernama (2018), menyatakan bahawa peningkatan peratus kebolehpasaran ini telah berlaku sejak tahun 2013 dan dijangka akan mencapai 80 peratus sebelum tahun 2025. Walaupun peningkatan ini masih belum mencapai peratusan yang tinggi, namun ianya menunjukkan bahawa kualiti graduan yang dihasilkan oleh institusi pendidikan semakin mendapat tempat di mata majikan.

Kebolehpasaran graduan latihan teknikal dan pendidikan vokasional (TVET) juga turut menunjukkan peningkatan seiring dengan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain. Berdasarkan laporan akbar Sinar oleh Suhaila Shahrul Annuar (2016), menyatakan bahawa graduan TVET menunjukkan peningkatan kebolehpasaran yang memberangsangkan di mana universiti teknikal Malaysia (MTUN) menunjukkan kadar kebolehpasaran graduan pada tahap 87.1 peratus disusuli dengan Politeknik (88.6 peratus) dan Kolej Komuniti (97.2 peratus). Peratus kebolehpasaran graduan politeknik terus meningkat kepada 94.5 peratus pada tahun 2017 (Berita Harian, 2018). Berdasarkan kepada statistik ini, jelas menunjukkan bahawa politeknik dan kolej komuniti mempunyai peratus kebolehpasaran yang agak memberangsangkan.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, selain mensasarkan kecemerlangan akademik, keadah pengajaran dan pembelajaran di institusi teknik dan vokasional terutamanya politeknik adalah amat menekankan penguasaan pelajarnya dalam kemahiran insaniah. Sukatan kurikulum bagi

setiap kursus yang ditawarkan di politeknik misalnya, telah diagihkan dengan pelbagai jenis kemahiran insaniah yang perlu dikuasai oleh pelajar. Ini adalah bagi memastikan setiap graduan yang keluar dari sistem pendidikan di politeknik mereka bukan sahaja mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang, tetapi juga dapat menguasai pelbagai kemahiran yang diperlukan oleh majikan atau industri.

Bagi merealisasikan matlamat ini, pelbagai usaha telah dirancang dan dilaksanakan samada di peringkat kementerian atau institusi pendidikan. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik misalnya, turut merangka dan mengubal semula dokumen kurikulum kursus yang ditawarkan oleh program pengajian di politeknik dari masa ke semasa mengikut keperluan industri atau bakal majikan. Penambahbaikan secara berterusan ke atas dokumen kurikulum ini bukan sahaja memberi tumpuan kepada kandungan kurikulum namun turut mengambilkira keperluan tujuh domain kemahiran generik yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*) di bawah Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*). Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh Faridah Ibrahim, Normah Mustaffa, & Mus Chairil Samani (2010), menunjukkan ketujuh-tujuh kemahiran insaniah yang di kemukakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia adalah selari dengan apa yang dicadangkan oleh bakal majikan yang ditemu bual.

Selain itu, pelaksanaan Pendidikan Berasaskan Hasil (Outcome Based Education – OBE) yang dilaksanakan di politeknik telah mewajibkan setiap program pengajian perlu mempunyai Objektif Pendidikan Program (PEO), Hasil Pembelajaran Program (PLO) dan Hasil Pembelajaran Kursus (CLO). Hasil Pembelajaran Program misalnya, mestilah dinyatakan dengan jelas dan nyata, merangkumi domain pengetahuan, kemahiran praktikal dan gabungan tujuh domain kemahiran generik yang perlu dicapai dan dikuasai oleh setiap pelajar sepanjang tempoh pengajian mereka di politeknik. Pendidikan Berasaskan Hasil ini, telah mengubah proses pengajaran dan pembelajaran dari berpusatkan pensyarah kepada berpusatkan pelajar (*teacher centered learning to student centered learning*). Perubahan ini memerlukan pelajar terlibat secara aktif dalam memberi atau berkongsi maklumat di sepanjang proses pembelajaran. Aktiviti seperti pembentangan, perbincangan dalam kumpulan, penyediaan penilaian kerja kursus secara berkumpulan dan lain-lain lagi diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan penguasaan kemahiran insaniah terutamanya kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar. Ini selari dengan salah satu bidang tumpuan di dalam Rancangan Malaysia ke sebelas (2016–2020) iaitu mentransformasi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi memenuhi permintaan industri.

### **Penyataan Masalah**

Menghasilkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi adalah antara faktor terpenting bagi negara ini ke arah mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020. Bagi merealisasikan cabaran ini, institusi pendidikan diberi peranan utama bagi melahirkan graduan yang bukan sahaja mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang tetapi turut mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi terutamanya kemahiran komunikasi selain kemahiran lain seperti kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan, pemikiran kritis dan sebagainya.

Tidak dapat dinafikan bahawa, isu berkaitan pengangguran dalam kalangan graduan sering dikaitkan dengan kegagalan sistem pendidikan dalam melahirkan graduan yang memenuhi keperluan industri atau majikan. Walaupun telah banyak penambahbaikan dilaksanakan bagi mengukuhkan lagi tahap kebolehpasaran graduan di IPTA tetapi masih terdapat rungutan yang dikemukakan oleh para majikan tentang kualiti para graduan ini. Antara rungutan yang sering dikemukakan oleh para majikan adalah kelemahan para graduan dalam aspek kemahiran insaniah (*soft skills*) seperti kemahiran komunikasi, penguasaan bahasa Inggeris, keyakinan diri, kerja berpasukan dan sebagainya.

Bertitik tolak dari keperluan ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan di peringkat kementerian dan institusi pendidikan bagi memastikan graduan yang dihasilkan memenuhi permintaan industri. Di antaranya adalah melakukan semakan semula ke atas dokumen kurikulum yang mengambilkira domain kemahiran generik mengikut ketetapan Kerangka Kelayakan Malaysia. Menurut Sharifah Hapsah (2006), kemahiran generik pelajar di institusi pengajian tinggi mula diberi fokus apabila terlaksananya *Malaysian Qualification Framework* (MQF) pada tahun 2006. Selain itu, pelaksanaan Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome- Based Education – OBE*) yang lebih memberi penumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar turut dilihat sebagai penyumbang kepada peningkatan peratus kadar kebolehpasaran graduan sejak akhir-akhir ini. Berdasarkan kenyataan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh di dalam akbar Berita Harian oleh Zahratulhayat Mat Arif (2018), menyatakan bahawa peratus kebolehpasaran graduan politeknik terus meningkat kepada 94.5 peratus pada tahun 2017 berbanding 88.6 peratus pada tahun 2016. Beliau menyatakan bahawa peningkatan ini adalah disebabkan oleh graduan yang dikeluarkan mempunyai kemahiran yang menyeluruh dan menepati kehendak industri di mana pelaksanaan sistem penilaian iCGPA (Pentaksiran Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu) mewajibkan prestasi pelajar bukan hanya dinilai dari aspek akademik tetapi juga kemahiran lain seperti kemahiran berkomunikasi dan nilai keusahawanan.

Peningkatan peratus kebolehpasaran ini boleh menjadi kayu pengukur kepada kejayaan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh kementerian dan institusi pendidikan sebelum ini. Peningkatan penguasaan kemahiran komunikasi turut dikatakan sebagai salah satu faktor yang menyumbang kepada peningkatan peratus tersebut. Oleh itu institusi pendidikan wajar mempelbagaikan kaedah pembelajaran bagi memastikan graduan yang dihasilkan mampu menguasai kemahiran ini dengan baik. Aktiviti seperti pembentangan dan aktiviti di dalam kumpulan dilihat mampu menyumbang kepada penguasaan kemahiran komunikasi ini. Secara praktikalnya pembelajaran di politeknik lebih mengutamakan penilaian secara berpasukan atau berkumpulan di dalam setiap kursus yang ditawarkan.

Berdasarkan kepada dokumen kurikulum dan struktur program yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP), peratus penilaian kemahiran generik dari aspek kerja berpasukan bagi setiap program adalah di antara 18 hingga 23 peratus dari jumlah keseluruhan kursus yang ditawarkan. Menurut Wan Jemizan W. Deraman dan Ahmad Termizi Mohamed Din (2012), yang menyatakan bahawa bekerja secara berpasukan dapat membantu seseorang individu itu untuk meningkatkan kemahiran diri seperti kebolehan berkomunikasi, penampilan diri dan meningkatkan keyakinan diri. Oleh itu, kajian ini adalah diharap dapat mengenalpasti sejauhmana penguasaan kemahiran dari aspek kemahiran kerja berpasukan dapat mempengaruhi kepada peningkatan kemahiran komunikasi dalam kalangan

pelajar semester akhir, Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah di samping menilai perbezaan pencapaian kemahiran ini mengikut jantina dan pencapaian akademik pelajar.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk:

- 1) Mengetahui pasti hubungan di antara kerja berpasukan dan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar semester akhir, Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah.
- 2) Mengetahui pasti perbezaan di antara kemahiran komunikasi mengikut jantina pelajar.
- 3) Mengetahui pasti perbezaan di antara kemahiran komunikasi mengikut pencapaian akademik pelajar.
- 4) Mengetahui pasti perbezaan di antara kemahiran komunikasi mengikut program pengajian.

### **Hipotesis**

Terdapat lima hipotesis kajian yang telah dibentuk bagi menjawab objektif kajian. Hasil dari hipotesis ini akan dapat menjawab sama ada terdapat hubungan signifikan di antara kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran komunikasi dan melihat perbezaan kemahiran komunikasi berdasarkan jantina, pencapaian pelajar dan program pengajian. Hipotesis null adalah seperti berikut:

H0: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran komunikasi.

H0: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kemahiran komunikasi dan jantina pelajar.

H0: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kemahiran komunikasi dan pencapaian akademik pelajar.

H0: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kemahiran komunikasi dan program pengajian.

### **Kajian Literatur**

#### ***Pengenalan***

Kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran komunikasi merupakan antara kemahiran insaniah yang sangat penting dan sering dikatakan sebagai salah satu punca kegagalan graduan mendapat peluang pekerjaan. Berbanding dengan kemahiran insaniah yang lain, komunikasi dilihat sebagai salah satu kemahiran yang paling utama yang perlu dikuasai oleh graduan bagi membolehkan mereka bersaing untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Selain itu pelajar juga perlu mempunyai kemahiran kerja berpasukan bagi melengkapkan diri mereka dengan ciri-ciri insaniah yang diinginkan oleh majikan.

#### ***Kemahiran Komunikasi***

Komunikasi boleh didefinisikan sebagai kemampuan seseorang itu untuk berinteraksi di antara satu sama lain mengikut persekitaran dan individu yang berbeza. Kemahiran ini meliputi kemahiran menulis, membaca, berhujah, mendengar dan menyampaikan maklumat. Menurut Abdul Aziz Yusof (2003), komunikasi melibatkan penyampaian idea dan perasaan kepada pihak lain. Manakala menurut Masita Misdi, Mohammad Pauzi Mokhtar, Mohamad Ali Baba & Mohd

Yusop Ab. Hadi (2010), terdapat lima jenis kemahiran komunikasi yang perlu dimiliki oleh setiap individu iaitu bercakap, menulis, mendengar, membaca dan menilai. Sebagai seorang pelajar, komunikasi mereka hanya melibatkan interaksi bersama rakan, pensyarah dan masyarakat sekeliling sahaja. Namun setelah graduan menceburi bidang pekerjaan, mereka perlu berhubung dan berkomunikasi dengan pelbagai lapisan pengurusan dan masyarakat.

Seiring dengan arus globalisasi pada masa ini, kemahiran komunikasi telah menjadi satu aspek penting yang amat dititikberatkan oleh majikan. Oleh itu menjadi tanggungjawab institusi pendidikan untuk menyediakan bakal graduan mereka supaya memenuhi keperluan tersebut. Menurut Sandy Mark Luna (2016), menyatakan bahawa kira-kira 40 peratus jumlah yang tidak bekerja di negara ini adalah terdiri daripada kalangan graduan baharu, di mana antara faktor kegagalan graduan ini tidak mendapat pekerjaan adalah disebabkan oleh faktor personaliti yang lemah, kekurangan dalam kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran komunikasi dan penguasaan bahasa yang lemah. Manakala, menurut Sharifah Hana Abd Rahman, Zaini Yusnita Mat Jusoh, Rabi'ah Muhammad Serji dan Maffuza Salleh (2015), menyatakan bahawa majikan secara umumnya memerlukan pekerja yang mempunyai penguasaan ilmu, sahsiah yang baik, dan mempunyai kemahiran generik seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir secara kritis dan penyelesaian masalah, kemahiran bekerja secara berpasukan dan juga etika moral dan professional. Selain itu, menurut Lee & Tan (2003) dalam Eriniwati Aliza Miaat (2014), mengatakan bahawa kemahiran berkomunikasi juga merupakan kemahiran yang mempunyai nilai tertinggi paling dikehendaki oleh industri. Hurley (2008), turut menyatakan bahawa kemahiran komunikasi sangat diperlukan oleh semua peringkat dan bidang yang diceburi oleh pelajar, di mana 80 peratus dari masa mereka bekerja nanti mereka akan sentiasa berkomunikasi di antara satu sama lain, berseorangan atau di dalam kumpulan.

Berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh Stewart & Knowles (2000), di United Kingdom mendapati bahawa kemahiran yang diberi penekanan adalah kemahiran komunikasi dan pengurusan, kerja berpasukan, pengetahuan, mempunyai idea dan keupayaan untuk belajar. Manakala menurut Woodcock (1989) dalam Zurina Bahrin (2004), menyatakan bahawa komunikasi merupakan salah satu alat yang penting untuk mengeratkan perhubungan sesama ahli di dalam pasukan. Pendapat ini disokong oleh Zainudin Hassan, Mohd Anuar Abdul Rahman, Mohd Najib Abdul Ghaffar, & Kamariah Zakaria (2005), yang menyatakan bahawa antara aset penting dalam pasaran kerja dan industri di Malaysia pada masa kini adalah kemahiran komputer, kemahiran komunikasi, keterampilan bahasa (bahasa Inggeris, Mandarin, Jepun dan bahasa Melayu), kemahiran interpersonal, fleksibel, adaptibiliti, analitikal, inisiatif, kepimpinan, keyakinan diri dan bekerja secara berkumpulan. Menurut Siti Aisyah Ramli (2016), penggunaan bahasa Inggeris dalam sektor pekerjaan disifatkan sebagai elemen penting bagi tujuan komunikasi khususnya di syarikat global. Oleh itu kemahiran komunikasi ini mestilah disertai oleh penguasaan mereka berkomunikasi dalam bahasa kedua iaitu bahasa Inggeris. Berdasarkan laporan dalam akbar Sinar (2012), menyatakan bahawa graduan yang lahir dari sistem pendidikan Malaysia telah gagal memenuhi kehendak bakal majikan kerana kekurangan kemahiran berfikir secara kritis dan lemah dalam berkomunikasi terutamanya bahasa Inggeris.

Masyarakat sering beranggapan bahawa tanggungjawab untuk menghasilkan graduan yang berkualiti dari aspek akademik dan kemahiran insaniah adalah di bawah tanggungjawab institusi pendidikan sepenuhnya. Oleh itu, kesalahan sering diletak dibahu mereka apabila graduan gagal untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Menurut Lukman (2005), menyatakan bahawa Institusi

Pengajian Tinggi Awam yang berkualiti seharusnya mampu melahirkan graduan yang berkualiti bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dari segi kemahiran-kemahiran lain termasuk kepimpinan, kemahiran komunikasi, nilai murni dan sebagainya.

Oleh itu, institusi pengajian tinggi perlu mengorak langkah bagi memastikan graduan yang dihasilkan bukan sahaja mempunyai tahap akademik yang tinggi tetapi juga perlu mempunyai nilai tambah dari aspek kemahiran lain. Institusi perlu memastikan bahawa graduan mereka mampu untuk berkomunikasi dengan baik dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Ini kerana kemahiran komunikasi tidak dapat dikuasai oleh seseorang itu dalam sekelip mata sahaja, ia melibatkan aktiviti yang berterusan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di sepanjang tempoh pengajian mereka di IPT. Menurut Mohd Fadzilah dan Ahmad Naim (2006), menyatakan bahawa kepetahan bercakap adalah suatu bakat yang tersendiri, tetapi kemahiran berkomunikasi adalah sesuatu yang perlu dipelajari. Manakala menurut Udin, R, (1999) dalam Suzana Muhammad (2003), menyatakan bahawa teknik belajar yang dilakukan dalam proses pembelajaran menentukan pencapaian pembelajaran yang dihasilkan.

Pendapat ini disokong oleh Che Husain dan Tengku Kasim (2008), yang menyatakan bahawa Teknik pembelajaran melalui pembentangan dapat meningkatkan tahap kemahiran berkomunikasi dan kemahiran bekerja secara berkumpulan. Manakala dapatan kajian yang dijalankan oleh Yahaya Buntat dan Muhamad Shahabudin Hassan (2010), pula menunjukkan bahawa aktiviti secara berkumpulan mampu meningkatkan keyakinan pelajar dalam berkomunikasi, selain itu kemahiran berkomunikasi juga dapat dibentuk dalam diri pelajar melalui kegiatan yang disertai. Ini menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran komunikasi dalam kalangan graduan boleh ditingkatkan melalui aktiviti seperti pembentangan dan aktiviti secara berkumpulan yang dijalankan di sepanjang tempoh pengajian mereka.

### ***Kemahiran Kerja Berpasukan***

Kemahiran kerja berpasukan atau berkumpulan adalah melibatkan kebolehan untuk bekerjasama dengan orang lain daripada pelbagai latar belakang sosiobudaya bagi mencapai matlamat yang sama. Kemahiran ini merupakan salah satu kemahiran yang turut diberi keutamaan oleh majikan semasa membuat pemilihan bakal pekerja. Ini adalah disebabkan oleh perubahan corak pengurusan organisasi yang lebih memberi tumpuan kepada bekerja secara berpasukan berbanding dengan bekerja secara individu. Menurut Zainal et al. (2011), elemen kerja berpasukan adalah suatu keperluan yang kritikal dan sangat di perlukan dalam sektor pekerjaan. Melalui kerja berpasukan, ia akan melibatkan gabungan usaha, pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang dapat menghasilkan prestasi kerja yang lebih tinggi berbanding jika dilakukan secara bersendirian.

Secara umumnya kerja berpasukan merujuk kepada individu yang bekerja dalam satu kumpulan yang sering bekerjasama dan menjalankan tugas secara berganding bahu bagi mencapai matlamat pasukan. Menurut Mohd Taib Dora (2008), menyatakan kerja berpasukan adalah pengagihan tugas yang mana setiap ahli pasukan mempunyai peranan tersendiri bagi melaksanakan sesuatu matlamat. Setiap ahli mempunyai kekuatan yang tersendiri dan mereka saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Beliau turut menyatakan bahawa kerja berpasukan akan melatih setiap ahli dalam pasukan untuk berinteraksi, berkongsi maklumat,



membuat keputusan dan memikul tanggungjawab bersama bagi melakukan tugas yang ditetapkan. Manakala menurut Badaruddin Ibrahim, Sufian Mastor, Kahirol Mohd Salleh & Nor Lisa Sulaiman (2010), kemahiran berpasukan melibatkan kebolehan untuk membina hubungan baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif bersama untuk mencapai objektif yang sama; kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan; kebolehan mengenal dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain dan kebolehan memberi sumbangan kepada perancangan dan menyelaraskan hasil usaha kumpulan.

Melalui kerja secara berpasukan juga, matlamat dan misi sesuatu organisasi akan dapat dicapai secara menyeluruh dan berkesan. Kerja berpasukan yang baik juga akan mengurangkan masalah pembaziran tenaga dan meningkatkan semangat dan daya motivasi dalam kalangan pekerja. Bertitik tolak dari kelebihan ini, kebanyakan syarikat amat mementingkan kemahiran bekerja secara berpasukan semasa membuat pemilihan calon pekerja. Oleh itu setiap pelajar perlu dilengkapi dengan kemahiran ini di peringkat institusi pendidikan bagi memenuhi tuntutan bidang pekerjaan mereka nanti. Menurut Wan Jemizan W. Deraman dan Ahmad Termizi Mohamed Din (2012), menyatakan bahawa bekerja secara berpasukan dapat membantu seseorang individu itu untuk meningkatkan kemahiran diri seperti kebolehan berkomunikasi, penampilan diri dan meningkatkan keyakinan diri.

Manakala menurut Kearney dan Bandley (1990) dalam Nurazmallail Marni, Ahmad Kilani Mohamed, dan Kamarul Azmi Jasmi (2004), menyatakan bahawa kerja secara berpasukan dapat memperbaiki dan melicinkan lagi proses komunikasi dalam sesebuah organisasi. Faedah yang diperolehi ahli pasukan termasuklah perkembangan kefahaman yang lebih baik tentang matlamat organisasi, penyelesaian masalah yang lebih efektif, menggalakan untuk menjadi kreatif, motivasi dan moral yang meningkat, peluang untuk mengenal pasti dan mengembangkan kepimpinan dan komunikasi yang lebih baik (Zaidatol, 1990). Hasil kajian oleh Mohd Fadzli Ali, Normah Salleh dan Juhazren Junaidi (2007), pula mendapati bahawa kemahiran bekerja dalam kumpulan turut meningkatkan kemahiran komunikasi melalui perbincangan dalam kumpulan. Pendapat ini disokong oleh Akindele (2012) dalam Mohd Akmal Masud (2013), yang mengatakan bahawa pelajar sedar dengan kerja secara berpasukan, mereka dapat memperbaiki komunikasi dengan rakan sekelas, berkomunikasi dengan rakan yang berlainan bangsa, dan dapat mengukuhkan kepercayaan antara ahli kumpulan.

Bagi melahirkan pekerja yang mempunyai kemahiran kerja berpasukan ini, institusi pengajian tinggi perlu mengorak langkah bagi mempelbagaikan aktiviti semasa menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana, melalui aktiviti di dalam dan di luar bilik kuliah ini, akan dapat memupuk semangat dan kemahiran bekerja secara berpasukan dalam kalangan pelajar. Menurut Kamsah, Abu dan Razally (2007), dalam satu kajian mereka menyimpulkan bahawa, majoriti pensyarah universiti hari ini telah menggunakan pendekatan pengajaran dan penilaian secara konvensional (projek, pembentangan, kuliah dan tutorial) untuk menerapkan kemahiran kerja berpasukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang mereka kendalikan.

## Metodologi

Kajian yang dijalankan adalah kajian kuantitatif berbentuk deskriptif dengan menggunakan reka bentuk kajian secara tinjauan dengan menggunakan borang soalselidik. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (2003), penyelidikan deskriptif digunakan untuk mendapat maklumat mengenai sesuatu peristiwa yang sedang berlaku. Manakala menurut Mohd Majid Konting (2000), kajian tinjauan sering dijalankan dalam penyelidikan pendidikan. Populasi dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar semester akhir, Jabatan Perdagangan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah sesi Jun 2017. Bilangan populasi ini adalah seramai 156 orang yang terdiri daripada pelajar program Diploma Akauntansi, Diploma Pemasaran dan Diploma Pengajian Perniagaan. Sebanyak 125 pelajar telah dipilih sebagai sampel kajian. Kaedah persampelan *convenienc* telah digunakan untuk membuat pemilihan responden di dalam kajian ini.

Borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian bagi mengumpulkan data. Borang soal selidik ini telah diubahsuai dan diadaptasi dari kajian Nurul Salmi Mohd Dazali dan Mohd Isha Awang (2014) dan Mohamad Zaid Mustafa et al. (2008). Borang soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian I adalah berkaitan dengan maklumat latar belakang responden seperti jantina, kaum, program dan pencapaian akademik. Manakala Bahagian II-pula mengandungi 15 soalan kemahiran komunikasi dan 15 soalan kemahiran kerja berpasukan. Responden telah menjawab borang soal selidik dengan menggunakan 5 skala Likert seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Skala Likert**

| <b>Kenyataan</b>    | <b>Skala</b> |
|---------------------|--------------|
| Sangat Setuju       | 5            |
| Setuju              | 4            |
| Tidak Pasti         | 3            |
| Tidak Setuju        | 2            |
| Sangat Tidak Setuju | 1            |

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 20 orang pelajar semester akhir, Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Ujian ini bertujuan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan item-item dalam borang soal selidik yang dibina sebelum kajian sebenar dijalankan. Nilai pekali *Alpha Cronbach* yang diperolehi ialah 0.89. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999), nilai *Alpha Cronbach* yang melebihi 0.80 menunjukkan bahawa item tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Data yang dikumpul di dalam kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) version 20.0*. Data dianalisis mengikut nilai peratusan, korelasi, ujian ANOVA dan t-test. Peratusan digunakan untuk menganalisis maklumat latar belakang, korelasi untuk menilai hubungan antara kerja berpasukan dan komunikasi manakala ujian anova dan t-test untuk menilai perbezaan kemahiran komunikasi mengikut jantina, pencapaian akademik pelajar dan program pengajian.

## Dapatan Kajian

Hasil dapatan kajian dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu analisis dapatan kajian dari segi hubungan di antara kemahiran kerja berpasukan dengan kemahiran komunikasi pelajar, perbezaan di antara kemahiran komunikasi mengikut jantina, pencapaian akademik pelajar dan

program pengajian. Ketiga-tiga analisis ini dinilai dengan menggunakan ujian korelasi, t-test dan ANOVA.

***Analisa Latar Belakang Responden Mengikut Jantina, Kaum, Program dan Pencapaian Akademik***

Jumlah keseluruhan responden di dalam kajian ini adalah sebanyak 125 orang, terdiri daripada 102 orang perempuan atau 81.6 peratus dan 23 orang lelaki atau 18.4 peratus. Dari segi kaum, sebanyak 101 orang responden terdiri daripada kaum Melayu (80.8 peratus), 18 orang kaum India (14.4 peratus), 5 orang kaum Cina (4 peratus) dan lain-lain kaum, 1 orang. Manakala bilangan pelajar mengikut program pula, sebanyak 40 peratus (50 orang) adalah terdiri daripada pelajar Diploma Akauntansi, 40 peratus (50 orang) pelajar Diploma Pengajian Perniagaan diikuti oleh 20 peratus (25 orang), pelajar Diploma Pemasaran. Dari segi pencapaian akademik pelajar, sebanyak 6.4 peratus mendapat nilai Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) 3.6 hingga 4.0, 32 peratus mempunyai nilai HPNM 3.1 hingga 3.5, 42.4 peratus mendapat HPNM 2.6 hingga 3.0 dan sebanyak 19.2 peratus mempunyai HPNM 2.1 hingga 2.5.

***Analisis Hubungan di antara Kemahiran Kerja Berpasukan dengan Kemahiran Komunikasi.***

Hipotesis Null : Tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara kemahiran kerja berpasukan dengan kemahiran komunikasi.

Bagi mengenal pasti hubungan di antara kerja berpasukan dan kemahiran komunikasi, nilai indeks korelasi yang digunakan oleh Rowntree (1981) telah dirujuk. Nilai korelasi tersebut adalah seperti di dalam Jadual 2.

**Jadual 2: Nilai Korelasi dan Interpretasi daripada Rowntree (1981)**

| Nilai indeks korelasi | Interprestasi              |
|-----------------------|----------------------------|
| 0.0 - 0.2             | Sangat Lemah               |
| 0.21 - 0.4            | Lemah, Rendah              |
| 0.41 - 0.7            | Sederhana                  |
| 0.71 - 0.9            | Tinggi, Kuat               |
| 0.91 - 1.0            | Sangat Tinggi, Sangat Kuat |

Sumber: Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003).

Jadual 3 di bawah menunjukkan hasil analisis korelasi Pearson bagi menguji hubungan di antara kerja berpasukan dan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar semester akhir, Jabatan Perdagangan sesi Jun 2017.

**Jadual 3: Analisis Korelasi Pearson bagi Pembolehubah Kerja Berpasukan dan Komunikasi.**

| Kerja Berpasukan | Korelasi Pearson | Komunikasi |
|------------------|------------------|------------|
|                  | Sig. (2-tailed)  | .461**     |
|                  | N                | .000       |
|                  |                  | 125        |

\*\* . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Jadual di atas menunjukkan bahawa terdapat perhubungan yang signifikan di antara pembolehubah kemahiran kerja berpasukan dengan kemahiran komunikasi di mana nilai signifikannya ialah 0.000 adalah lebih kecil dari nilai signifikan yang ditetapkan iaitu 0.01 ( $p < 0.01$ ). Oleh itu hipotesis null ditolak. Ujian korelasi ini juga menunjukkan bahawa nilai pekali 'r' bagi pembolehubah kerja berpasukan dan komunikasi adalah sebanyak 0.461. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua pembolehubah ini mempunyai hubungan yang sederhana kuat.

Hasil ujian ini menunjukkan bahawa aktiviti pembelajaran secara berkumpulan atau berpasukan di dalam kelas telah sedikit sebanyak memberi kesan yang positif ke atas kemahiran komunikasi para pelajar. Dengan kata lain, kemahiran komunikasi pelajar dapat ditingkatkan melalui aktiviti pelajar di dalam kumpulan di sepanjang tempoh pengajian mereka. Menurut Udin, R, (1999) dalam Suzana Muhammad (2003), menyatakan bahawa teknik belajar yang dilakukan dalam proses pembelajaran menentukan pencapaian pembelajaran yang dihasilkan.

Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan oleh Yahaya Buntat dan Muhamad Shahabudin Hassan (2010), menunjukkan bahawa aktiviti secara berkumpulan mampu meningkatkan keyakinan pelajar dalam berkomunikasi. Dapatan ini disokong oleh Wan Jemizan W. Deraman dan Ahmad Termizi Mohamed Din (2012), yang menyatakan bahawa bekerja secara berpasukan dapat membantu seseorang individu itu untuk meningkatkan kemahiran diri seperti kebolehan berkomunikasi, penampilan diri dan meningkatkan keyakinan diri. Selain itu, hasil dapat kajian oleh Mohd Fadzli Ali, Normah Salleh dan Juhazren Junaidi (2007), turut mendapati bahawa kemahiran bekerja dalam kumpulan turut meningkatkan kemahiran komunikasi melalui perbincangan dalam kumpulan.

***Analisis Perbezaan Kemahiran Komunikasi Mengikut Jantina.***

Hipotesis Null : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kemahiran komunikasi dengan jantina pelajar.

**Jadual 4: Analisis T-Test Bagi Perbezaan Kemahiran Komunikasi mengikut Jantina Pelajar.**

|            | <b>Jantina</b> | <b>Min</b> | <b>Nilai-t</b> | <b>Tahap Signifikan</b> |
|------------|----------------|------------|----------------|-------------------------|
| Komunikasi | Lelaki         | 3.849      | 0.686          | 0.494                   |
|            | Perempuan      | 3.907      |                |                         |

Jadual 4 menunjukkan bahawa tahap komunikasi di antara pelajar lelaki dan perempuan adalah sama dengan nilai-t, 0.686 dengan nilai signifikan  $p=0.494$  adalah lebih besar dari nilai signifikan yang telah ditetapkan,  $p>0.05$ . Maka hipotesis null diterima. Ini bermakna tahap kemahiran komunikasi di antara pelajar lelaki dan perempuan adalah sama ataupun tiada perbezaan. Menurut Fuziah (2005) dan Umi Nadihaa (2011), mendapati bahawa jantina tidak mempengaruhi tahap keyakinan komunikasi di kalangan pelajar. Berdasarkan dapatan kajian oleh Nurul Salmi Mohd Dazali dan Mohd Isha Awang (2014), juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yg signifikan antara tahap kemahiran mengikut jantina.

### ***Analisis Perbezaan Tahap Kemahiran Komunikasi Mengikut Pencapaian Akademik Pelajar.***

Hipotesis Null: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kemahiran komunikasi dan pencapaian akademik pelajar.

**Jadual 5: Analisis ANOVA Sehalu bagi Kemahiran Komunikasi mengikut Pencapaian Akademik Pelajar.**

| Pemboleh ubah | Ujian ANOVA untuk Nilai Min |             | Nilai Skor Min Pencapaian Akademik Pelajar (HPNM) |         |         |         |
|---------------|-----------------------------|-------------|---|---------|---------|---------|
|               | F                           | Sig.        | 3.6-4.0   | 3.1-3.5 | 2.6-3.0 | 2.1-2.5 |
| Komunikasi    | 0.446                       | <b>0.72</b> | 3.9667  | 3.9317  | 3.8553  | 3.9056  |

*Significant level  $p < 0.05$*

Ujian ANOVA sehalu digunakan untuk menguji perbezaan tahap kemahiran komunikasi berdasarkan kepada tahap pencapaian akademik pelajar. Berdasarkan kepada Jadual 5 di atas didapati bahawa nilai signifikan, 0.72 adalah lebih besar dari 0.05 ( $p > 0.05$ ). Maka hipotesis null diterima. Ini menunjukkan bahawa tahap kemahiran komunikasi pelajar adalah sama atau tiada perbezaan walaupun pencapaian akademik pelajar adalah berbeza. Dapatan ini bertentangan dengan kajian yang dibuat oleh Azizi et al. (2010), yang mendapati bahawa kemahiran komunikasi secara tidak langsung memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar. Pendapat ini turut disokong oleh Nurul Salmi Mohd Dazali dan Mohd Isha Awang (2014), yang mendapati bahawa kemahiran komunikasi mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar.

### ***Analisis Perbezaan Kemahiran Komunikasi Mengikut Program Pengajian***

Hipotesis Null: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kemahiran komunikasi dan program pengajian.

**Jadual 6: Analisis ANOVA Sehalu bagi Kemahiran Komunikasi Mengikut Program Pengajian**

| Pembolehubah | Ujian ANOVA untuk Nilai Min |              | Nilai Skor Min Program Pengajian |        |        |
|--------------|-----------------------------|--------------|----------------------------------|--------|--------|
|              | F                           | Sig.         | DAT                              | DPR    | DPM    |
| Komunikasi   | 3.977                       | <b>0.021</b> | 3.8080                           | 4.0533 | 3.9067 |

*Significant level  $p < 0.05$*

Jadual 6 di atas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap kemahiran komunikasi mengikut program pengajian dengan nilai  $p$  0.021 adalah kurang dari 0.05 ( $p < 0.05$ ). Ini menunjukkan bahawa tahap kemahiran komunikasi pelajar adalah berbeza mengikut program.

**Jadual 7: Analisis Post Hoc Tukey HSD bagi Kemahiran Komunikasi Mengikut Program Pengajian**

| Pembolehubah | Program | Perbezaan Min | Min      | Aras Sig. (p) |      |
|--------------|---------|---------------|----------|---------------|------|
| Komunikasi   | DAT     | DPR           | -.24533* | 3.8080        | .016 |
|              |         | DPM           | -.09867  |               | .353 |
|              | DPR     | DAT           | .24533*  | 4.0533        | .016 |
|              |         | DPM           | .14667   |               | .217 |
|              | DPM     | DAT           | .09867   | 3.9067        | .353 |
|              |         | DPR           | -.14667  |               | .217 |

*Significant level  $p < 0.05$*

Merujuk kepada Jadual 7, ujian *Post Hoc Tukey HSD* dijalankan bagi mengenal pasti program pengajian yang menghasilkan perbezaan signifikan dari segi tahap penguasaan kemahiran komunikasi mereka. Hasil ujian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kemahiran komunikasi di antara pelajar Diploma Pemasaran dan pelajar Diploma Akauntansi dengan nilai  $p$ , 0.016 ( $p < 0.05$ ).

Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa, pelajar Diploma Pemasaran mempunyai tahap kemahiran komunikasi yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar program Diploma Akauntansi. Ini adalah disebabkan oleh gaya pembelajaran pelajar bidang pemasaran dan akauntansi adalah berbeza memandangkan struktur kurikulumnya yang berbeza. Pelajar dalam bidang pemasaran biasanya didedahkan dengan aktiviti pembentangan dan perbincangan dalam kumpulan berbanding dengan pelajar dalam bidang akauntansi. Ini adalah selaras dengan keperluan kurikulum yang menekankan kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran pelajar akauntansi lebih mengkhusus kepada aspek pengiraan berbanding dengan aspek komunikasi.

Ini juga selaras dengan keperluan kurikulum yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP), di mana peratus pengaggihan kemahiran generik dari aspek komunikasi bagi program pemasaran adalah lebih tinggi iaitu 41 peratus dari jumlah keseluruhan kursus yang ditawarkan, berbanding dengan program akauntansi, 25 peratus dan program pengajian perniagaan, 29 peratus. Menurut Che Husain dan Tengku Kasim (2008), menyatakan bahawa teknik pembelajaran melalui pembentangan dapat meningkatkan tahap kemahiran berkomunikasi dan kemahiran bekerja secara berkumpulan. Manakala menurut Mohd Fadzilah dan Ahmad Naim (2006), kepetahan bercakap adalah suatu bakat yang tersendiri, tetapi kemahiran berkomunikasi adalah sesuatu yang perlu dipelajari. Sehubungan itu kesedaran pelajar mengenai kepentingan kemahiran komunikasi perlu di semai supaya aktiviti pembentangan akan menjadi medium pembelajaran yang efektif bagi meningkatkan keyakinan pelajar dalam mengamalkan komunikasi yang lebih efektif.

## **Kesimpulan**

Politeknik di bawah Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) telah menjalankan pelbagai inisiatif untuk memastikan graduan yang dilahirkan mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi terutamanya dari aspek komunikasi dan kerja berpasukan. Kemahiran ini merupakan kriteria utama yang menjadi tumpuan majikan terutamanya di dalam proses pemilihan pekerja. Rentetan dari situasi ini, adalah menjadi tanggungjawab institusi pendidikan untuk memastikan setiap pelajar yang dihasilkan mampu menguasai kemahiran tersebut. Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian, jelas menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran melalui kerja berpasukan mempunyai perkaitan dengan peningkatan kemahiran komunikasi pelajar. Aktiviti di dalam kumpulan ini telah memberi pendedahan dan keyakinan kepada pelajar untuk berkomunikasi dengan lebih baik. Aktiviti pembelajaran secara berkumpulan di luar kelas juga diharap dapat meningkatkan tahap komunikasi pelajar. Selain itu, penglibatan pelajar di dalam aktiviti jabatan seperti penganjuran majlis dan aktiviti jabatan serta politeknik juga sedikit sebanyak telah meningkatkan keyakinan mereka untuk berkomunikasi dengan lebih baik lagi dengan individu dari pelbagai peringkat.

Hasil dapatan kajian juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan tahap kemahiran komunikasi pelajar mengikut jantina dan pencapaian akademik pelajar. Ini bermaksud bahawa tahap kemahiran komunikasi di antara pelajar perempuan dan lelaki adalah sama. Ini menunjukkan bahawa sistem pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di politeknik telah memberikan kemahiran yang sama kepada setiap pelajar. Begitu juga dari segi pencapaian akademik pelajar, di mana tahap kemahiran komunikasi juga adalah sama. Ini bermaksud bahawa tahap kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar adalah sama walaupun pencapaian akademik pelajar berbeza. Namun begitu, kemahiran komunikasi di antara pelajar Diploma Akauntansi dan Diploma Pemasaran menunjukkan perbezaan, di mana pelajar pemasaran menunjukkan kemahiran komunikasi yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar akauntansi.

Kesimpulannya, pelaksanaan sistem pengajaran secara *Outcome Based Education* yang telah diperkenalkan secara menyeluruh dalam sistem pendidikan politeknik bermula pada sesi Jun 2010 turut menyumbang kepada peningkatan menguasai kemahiran insaniah dalam kalangan graduan. Perubahan kaedah pembelajaran dari berpusatkan pensyarah kepada berpusatkan pelajar juga antara penyumbang utama kepada perubahan tahap kemahiran insaniah para pelajar. Oleh itu adalah diharapkan semua pihak yang terlibat seperti Kementerian Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Politeknik, politeknik dan jabatan memberi perhatian dan mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan tahap pencapaian akademik pelajar seiring dengan penguasaan kemahiran insaniah mereka terutamanya kemahiran komunikasi. Ini adalah bagi memastikan graduan yang dilahirkan dari sistem politeknik dapat memenuhi kehendak pasaran kerja semasa dan di masa hadapan.

## Rujukan

- Abdul Aziz Yusuf (2003). *Komunikasi Untuk Pengurus*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Abdul Aziz (2010). *Kemahiran sosial asas*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Badaruddin Ibrahim, Sufian mastor, Kahiroh Mohd Salleh & Nor Lisa Sulaiman (2010), "Kemahiran Berpasukan Menerusi Penyertaan di Dalam Kokurikulum di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia", Ahmad Esa dan Muhamad Zaid Mustafa, *Kemahiran Insaniah: Kajian di Institusi-institusi Pengajian*, Penerbit UTHM, ms 46-71.
- Bernama 17 April 2018, Sasaran Kebolehpasaran Graduan IPT Dicapai Lebih Awal Cabaran Institusi Pengajian Tinggi (2016, 19 Disember). Utusan Malaysia
- Che Husain, F & Tengku Kasim, T. S. A. (2008). *Pembentukan Akhlak Mulia Mahasiswa Melalui Penerapan Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah: Suatu Pendekatan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Di IPT*. Prosiding SKIKS 2008.
- Eriniwati Aliza Binti Miaat (2014). *Faktor Yang Mendorong Kecenderungan Pelajar Kolej Vokasional ke Arah Bidang Keusahawanan*. Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional, UTHM.
- Faridah Ibrahim, Normah Mustaffa, & Mus Chairil Samani (2010). *Hala Tuju Pengajian Komunikasi dan Media di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Fuziah Kartini Hasssan Basri (2005). *Kebimbangan komunikasi: Kajian penerokaan di kalangan pelajar UKM*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Penyelidikan Komunikasi, UKM.

- Graduan Tempatan Gagal Tepat Kehendak Majikan (2012, 4 Mac). Sinar online. Dimuat turun pada 2 Februari, 2017, dari <http://www.sinarharian.com.my/nasional/graduan-tempatan-gagal-tepat-kehendak-majikan-1.29325>
- Hurley (2008). *The Importance of Strong Business Communication Skills*. McGraw Hill Inc.
- Kamsah, M. Z., Abu, M. S., & Razzaly, W. (2007). Penerapan Kemahiran Insaniah (KI) Kepada Pelajar dalam Aktiviti Pengajaran & Pembelajaran di IPTA. Prosiding SKIKS. Johor: Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. ms. 491. Dimuat turun pada 20 Mac, 2017, dari <http://eprints.uthm.edu.my/2314/>
- Lukman Ismail. (2005). Utusan Malaysia. Jumaat, 27 Mei 2005, ms 7.
- Mahyuddin Arsat dan Sri Dewi Rahimi (2011). Kemahiran Generik Dalam Latihan Industri Terhadap Pembentukan Kerjaya Jurutera Di Dyson Manufacturing Sdn Bhd.
- Masita bt Misdi, Mohammad Pauzi b Mokhtar, Mohamad Ali b Baba & Mohd Yusop Ab. Hadi (2010). “Kepentingan Elemen-elemen Kemahiran Berkomunikasi Pelajar Kejuruteraan Awam dan Perbezaannya Mengikut Keperluan Pihak Majikan”, Ahmad Esa dan Muhamad Zaid Mustafa, Kemahiran Insaniah: Kajian di Institusi- institusi Pengajian, Penerbit UTHM, ms 183-204.
- Mikhail Raj Abdullah (2012, 4 Mac). Graduan Tempatan Gagal Tepat Kehendak Majikan. *Akbar Bernama*.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Mohamad Zaid Mustafa, Ali Suradin, Badaruddin Ibrahim, Sufian Mastor, Kahirol Mohd Salleh, Ahmad Rizal Madar, & Nor Lisa Sulaiman (2008). Penguasaan Kemahiran Berpasukan Menerusi Penyertaan di dalam Kokurikulum: Satu Tinjauan Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008: Universiti Teknologi Malaysia. Dimuat turun pada 18 Februari, 2017, dari <http://eprints.uthm.edu.my/2326/>
- Mohd Akmal Masud (2013). Pembangunan Kemahiran Kerja Berpasukan Menerusi Kursus Pengurusan Kokurikulum dalam Kalangan Pelajar Sarjana, Pendidikan Teknik dan Vokasional UTHM. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohd Fadzli Ali, Normah Salleh, & Juhazren Junaidi (2007). Mengkaji Hubungan Di Antara Pembelajaran Koperatif (Kemahiran Generik) dengan Kemahiran Menggunakan E-Pembelajaran di Kalangan Pelajar Yang Mengambil Subjek Telekomunikasi dan Rangkaian di Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, Johor. Department of Educational Multimedia Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia, Johor. Dimuat turun pada 20 Mac, 2017, dari <http://eprints.utm.my/6005/>
- Mohd Talib Dora (2008). Kemahiran Insaniah, & Kompetensi Unggul Mahasiswa. Penerbit Universiti Teknikal Malaysia, Melaka.
- Mohd. Fadzilah Kamsah & Ahmad Naim Jaafar (2006). *Tip Menjadi Individu Menarik*. Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Mohd. Majid Konting (2000). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003). Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia. Nurazmallail Marni, Ahmad Kilani Mohamed, & Kamarul Azmi Jasmi (2004). Pembangunan Sifat Bekerja dalam Kumpulan (Teamworking) sebagai Atribut Utama Graduan IPT: Huraian Menurut Perspektif Wahyu Seminar Kebangsaan



- Pembangunan Sumber Manusia 2005. Johor Bahru, Johor. ms. 1-12. Dimuat turun pada 20 Mac, 2017, dari <https://core.ac.uk/download/pdf/42909007.pdf>
- Nurul Salmi Mohd Dazali & Mohd Isha Awang (2014). Tahap Kemahiran Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Utara Semenanjung Malaysia. Fakulti Pendidikan, UKM.
- Sandy Mark Luna (2016, 10 Mac). 40 Peratus Penganggur di Malaysia Graduan Baharu. *Borneo Post online*. Dimuat turun pada 2 Februari, 2017, dari <http://www.theborneopost.com/2016/03/10/40-peratus-penganggur-di-malaysia-graduan-baharu/>
- Sharifah Hana Abd Rahman, Zaini Yusnita Mat Jusoh, Rabi'ah Muhammad Serji, & Maffuza Salleh (2015). Faktor-Faktor Kepuasan Majikan Terhadap Pelajar Latihan Industri di Institut Pengajian Tinggi (IPT): Satu Sorotan. Jabatan Undang-undang, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) Selangor.
- Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin (2006). Kerangka Kelayakan Malaysia. Lembaga Akreditasi Negara.
- Siti Aisyah Ramli (2016, 15 Januari). Bahasa Inggeris Penting dalam Sektor Pekerjaan. *Borneo Post online*. Dimuat turun pada 2 Februari, 2017, dari <http://www.theborneopost.com/2016/01/15/bahasa-inggeris-penting-dalam-sektor-pekerjaan/>
- Stewart, J. & Knowles, V. 2000. Graduate recruitment and selection: implications for HE, graduates and small business recruiters. *Career Development International* 5(2): 65-80.
- Suhaila Shahrul Anuar (2016, 7 Dis). Kebolehpasaran Graduan Malaysia Meningkatkan. *Berita Harian*.
- Suzana Muhammad (2003). Tinjauan Terhadap Gaya Pembelajaran di Kalangan Pelajar-Pelajar Semester Dua Diploma Pemasaran di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Dimuat turun pada 4 April, 2017, dari <http://eprints.uthm.edu.my/1599/>
- Umi Nadiha Mohd Nr, Zamri Mahmud & Jamaludin Badusah (2011). Penerapan kemahiran generik dalam pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (2): 71-84.
- Wan Jemizan W. Deraman & Ahmad Termizi Mohamed Din (2012, 7 Mac). Membudayakan Kerja Berpasukan. *Utusan Malaysia*.
- Yahya Bin Buntat & Muhamad Shahabudin Bin Hassan (2010). Kemahiran Komunikasi dalam Meningkatkan Keyakinan Diri Pelajar. Satu Tinjauan di Kalangan Ahli Jawatankuasa Kolej Mahasiswa, Universiti Teknologi Malaysia. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysi. Dimuat turun pada 4 April 2017, dari <http://eprints.utm.my/10998/>
- Zahratukhayat Mat Arif (2018, 20 Febuari). Kadar Kebolehpasaran Graduan Meningkatkan. *Berita Harian*.
- Zaidatol Akmaliah Rope Pihie (1990). Pentadbiran Pendidikan. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Zainal et al. (2011). Peningkatan tahap perkembangan kemahiran insaniah mentor melalui 'microcontroller school mentoring project'. Universiti Kebangsaan Malaysia. Dicapai pada April 3, 2014, dari <http://www.ukm.my/p3k/images/sppb11/47.pdf>
- Zainudin Hassan, Mohd Anuar Abdul Rahman, Mohd Najib Abdul Ghaffar, & Kamariah Zakaria (2005). Penerapan Kemahiran Generik dalam Pengajaran Kejuruteraan di Sekolah Menengah Teknik di Terengganu. Universiti Teknologi Malaysia, Johor. Dimuat turun pada 20 Mac 2017, dari [http://eprints.utm.my/1496/1/kertas\\_kerja\\_generik.pdf](http://eprints.utm.my/1496/1/kertas_kerja_generik.pdf)

Zunaidah Zainon (2017, 21 Mac). Pengangguran Masih Rendah. *Utusan Malaysia*

Zurina Bahrin (2004). Faktor mempengaruhi Keberkesanan Kerja Berpasukan di Kalangan Pekerja Bujab Eksekutif di Lembaga Pelabuhan Rajang Sibu, Sarawak. Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak. Dimuat turun pada 2 Februari, 2017, dari <http://ir.unimas.my/3531/1/2013-03-prZurinaBahrin.pdf>